

17 OCT 2003

APEC-MAHATHIR/I

DR MAHATHIR AKAN BERI PANDANGAN MENGENAI GLOBALISASI DI SIDANG KEMUNCIAK APEC

Oleh: Arul Rajoo

BANGKOK, 17 Okt (Bernama) -- Sidang Kemuncak CEO Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) 2003, yang akan dihadiri ramai pemimpin dan lebih 500 ahli perniagaan seluruh dunia, akan membolehkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberikan pandangannya mengenai globalisasi di peringkat dunia sebelum beliau bersara pada akhir bulan ini.

Dr Mahathir, yang dijangka tiba di sini Ahad ini, telah disenaraikan sebagai antara tiga anggota panel mengenai "Globalisasi dan cabarannya, bagaimana kita menguruskan ekonomi yang berkembang dan perbezaan budaya? Apa pilihan dasar yang kita ada untuk bertindak secara berkesan kepada globalisasi".

Perdana Menteri akan bersama-sama rakan sejawatannya dari New Zealand Helen Clark dan Presiden Chile Ricardo Lagos, di mana mereka akan mengadakan dialog dengan para peserta pada Isnin.

Moderator bagi sesi berkenaan ialah Timothy Ong, pengerusi Asia Inc Forum dan pengerusi bersama Sidang Kemuncak CEO APEC.

Ketiga-tiga pemimpin itu merupakan antara 21 pemimpin dari APEC yang akan menghadiri perhimpunan tahunan yang dijadualkan berlangsung Isnin dan Selasa ini di sini.

Pemimpin lain yang dijadualkan menyampaikan ucapan pada Sidang Kemuncak CEO itu ialah Presiden Rusia Vladimir Putin, rakan sejawatannya dari China Hu Jintao dan Setiausaha Negara Amerika Syarikat Colin Powell.

Dr Mahathir mempunyai jadual yang ketat semasa berada di sini selama tiga hari, bermula dengan majlis makan tengahari sambil kerja pemimpin 7-Asean yang dihoskan oleh Perdana Menteri Thai Thaksin Shinawatra pada Ahad.

Anggota Asean yang lain dalam APEC ialah Brunei, Indonesia, Filipina, Singapura dan Vietnam.

Bagaimanapun, mesyuarat yang sebelum ini dijadualkan berlangsung antara para pemimpin Asean dan Presiden AS George W. Bush telah dibatalkan tanpa alasan diberikan.

Dr Mahathir dijadualkan menemui anggota Gabungan Perniagaan Apec-AS, sebelum berjumpa rakan sejawatannya dari Kanada, Jean Chretien dan wakil Taiwan, Dr Lee Yuen Tseh.

Pada Isnin, Dr Mahathir, yang akan ditemani oleh isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali selama lawatan berkenaan, akan menyertai pemimpin APEC yang lain pada Mesyuarat Isterihat Pemimpin APEC di Rumah Kerajaan sebelum menghadap Raja dan Permaisuri Thailand.

Pada hari kedua sidang kemuncak berkenaan, Dr Mahathir akan menemui Lagos dan Presiden Mexico Vicente Fox Quesada sebelum menghadiri mesyuarat isterihat kedua.

Pada akhir mesyuarat, beliau akan mengadakan sidang media di Queen Sirikit National Convention Centre, yang merupakan tempat berlangsungnya mesyuarat peringkat menteri dan Pusat Media APEC, sebelum berlepas ke Jogjakarta. -- BERNAMA

AR TJK NHD